**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**
**PEJABAT BENDAHARI**

UTHM.PB/100.6/4( 4 ) Tarikh: 22 Mac 2013

## PEKELILING BENDAHARI BIL 1/2013

**Semua Pengurus Bahagian**
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Y. Bhg. Dato'/Prof/Tuan/Puan,

## PELAKSANAAN ePENYATA BAGI GAJI DAN PENYATA PENDAPATAN TAHUNAN

### 1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan pelaksanaan ePenyata bagi gaji dan penyata pendapatan tahunan di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

### 2.0 LATARBELAKANG

2.1 Mengikut amalan sekarang Slip Gaji dan Penyata Pendapatan Tahunan akan dicetak dan diedarkan oleh Pejabat Bendahari melalui Pusat Tanggungjawab (PTJ) kepada setiap staf.

2.2 Jabatan Akauntan Negara melalui Surat Pekeliling Akauntan Negara Bil 3 Tahun 2010 telah menggunakan kaedah ePenyata kepada semua kakitangan kerajaan bagi mendapatkan slip gaji dan penyata pendapatan tahunan. Melalui ePenyata , pegawai boleh mencetak dan menyemak transaksi pada bila-bila masa menggunakan aplikasi web.

2.3 Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun Universiti Bil. 1/2013 yang bersidang pada 31 Januari 2013 telah bersetuju meluluskan Cadangan Pelaksanaan ePenyata Bagi Gaji Dan Penyata Pendapatan Tahunan di UTHM.

### 3.0 PELAKSANAAN ePENYATA BAGI GAJI DAN PENYATA PENDAPATAN TAHUNAN

3.1 ePenyata membolehkan staf memuat turun dan seterusnya mencetak maklumat berikut daripada "Total Campus Integrated System" (TCIS) :-

i. Slip Gaji secara bulanan
ii. Penyata Pendapatan secara tahunan

3.2 Staf boleh membuat cetakan pada bila-bila masa selepas tarikh pembayaran gaji pada bulan tersebut dan juga bagi bulan-bulan atau tahun sebelumnya. Slip gaji bulan semasa boleh dicetak pada hari tarikh pembayaran gaji. Manakala Penyata Pendapatan Tahunan boleh dicetak mengikut masa yang akan dimaklumkan oleh Pejabat Bendahari.

3.3 Walau bagaimanapun, ePenyata hanya boleh dimuat turun dalam bentuk 'PDF' sahaja. Untuk tujuan pinjaman, staf perlu mendapatkan pengesahan daripada pegawai-pegawai yang diberi kuasa berdasarkan senarai nama yang dikemukakan kepada pihak bank.

3.4 Proses cetakan ePenyata adalah seperti di Lampiran A.

## 4.0 TANGGUNGJAWAB STAF

4.1 Staf hendaklah memastikan maklumat peribadi tidak disalahgunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Universiti tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang manipulasi ke atas maklumat yang disampaikan melalui TCIS.

4.2 Mengakses, mencetak atau memuat turun Slip Gaji dan Penyata Pendapatan melalui TCIS.

4.3 Staf adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap sebarang urusan rasmi yang dibuat dengan pihak luar ketika menggunakan kemudahan yang disediakan di TCIS.

## 5.0 TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa pada tarikh ia ditandatangani.

Sekian, terima kasih.

**"DENGAN HIKMAH KITA MENEROKA"**

Yang benar,

**MISRO BIN JERUT**
Bendahari
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
Samb: 7050

s.k
- Y. Bhg. Naib Canselor
- Y. Bhg. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
- Y. Bhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
- Ketua Unit Audit Dalam

Lampiran A

# MANUAL CETAKAN SLIP GAJI

DISEDIAKAN OLEH PUSAT TEKNOLOGI MAKLUMAT – 2013
PEMILIK SISTEM DAN DATA : PEJABAT BENDAHARI

# Dicapai di TCIS melalui UIS – User Information System




Persekitaran : Windows XP/ Windows 7
Pelayar : Internet Explorer 8, 9
http://tcis.uthm.edu.my

# Capaian Slip Gaji




Sila pilih menu pada Aplikasi (UIS) – User Information System : MENU UTAMA □ PERKHIDMATAN STAF □ SEJARAH GAJI

# Skrin Sejarah Gaji




Menu Sejarah Slip Gaji anda akan dipaparkan. Sila klik pada baris bulan gaji yang hendak dicetak.

# Konfigurasi Pencetak







Sebelum membuat cetakan sila pilih printer dan set default printer.

# Saiz kertas A4 sesuai untuk cetakan slip gaji.




Sila tekan butang CETAK




Setelah setup printer , tekan butang Print Now

# Cetakan Format PDF




Sekiranya anda memilih untuk cetakan dalam format pdf sebagai soft copy , sila install Adobe PDF writer . Apabila butang CETAK ditekan , pop up skrin akan keluar untuk anda menamakan fail dan tekan butang SAVE.

# Slip gaji format PDF




Slip gaji akan dipaparkan secara automatik dalam format PDF

# MANUAL CETAKAN PENYATA PENDAPATAN

DISEDIAKAN OLEH PUSAT TEKNOLOGI MAKLUMAT – 2013
PEMILIK SISTEM DAN DATA : PEJABAT BENDAHARI

# Dicapai di TCIS melalui UIS – User Information System




Persekitaran : Windows XP/ Windows 7
Pelayar : Internet Explorer 8, 9
http://tcis.uthm.edu.my

# Capaian Penyata Pendapatan




Sila pilih menu pada Aplikasi (UIS) – User Information System : MENU UTAMA □ PERKHIDMATAN STAF □ PENYATA PENDAPATAN

# Skrin Penyata Pendapatan



# Konfigurasi Pencetak







Sebelum membuat cetakan sila pilih printer dan set default printer.

# Saiz kertas A4 (Landscape) sesuai untuk Cetakan Penyata Pendapatan




Sila tekan butang CETAK




Setelah setup printer , tekan butang Print Now

# Cetakan Format PDF




Sekiranya anda memilih untuk cetakan dalam format pdf sebagai soft copy , sila install Adobe PDF writer . Apabila butang CETAK ditekan , pop up skrin akan keluar untuk anda menamakan fail dan tekan butang SAVE.

# Penyata Pendapatan format PDF



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PENYATA PENDAPATAN KAKITANGAN PAI31 - 12 - 2012

| | | | |
|---|---|---|---|
| NAMA KAKITANGAN | : AZLIANA BINTI AZMAN | NO. FAIL MAJIKAN | : E90013615-04 |
| NO KAD PENGENALAN | : 810312015784 | NO. FAIL CUKAI | : |
| FAKULTI | : PUSAT TEKNOLOGI MAKLUMAT | JANTINA | : Perempuan |
| JAWATAN DIPEGANG | : PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT | NO. PEKERJA | : 01305 |
| PEJABAT PEMBAYAR GAJI | : PEJABAT BENDAHARI | NO. KWSP | : 16214805 |
| TARAF PERKAHWINAN | : BERKAHWIN | NO. PENCEN | : 167199 |

| PENDAPATAN | Jan | Feb | Mac | Apr | Mei | Jun | Jul | Ogo | Sep | Okt | Nov | Dis | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Gaji Pokok | | | | | | | | | | | | | |
| Pelarasan Sistem Saraan Malaysia | | | | | | | | | | | | | |
| Tunggakan Kenaikan Gaji Tahunan | | | | | | | | | | | | | |
| Imbuhan Tahunan | | | | | | | | | | | | | |

Jumlah Pendapatan Yang Dikenakan Cukai : 32,399.91

PENDAPATAN

Elaun Khidmat Awam

Imbuhan Tetap Perumahan

Elaun Cola

JUMLAH PENDAPATAN YANG

POTONGAN CUKAI PENDAPATAN BERJADUAL (MAKLUMAN)

Potongan Tambahan PCB

JUMLAH POTC

POTONGAN ZAKAT (MAKLUMAN)

Pusat Pungutan Zakat

JU

Muka 1 dari 1, Dicetak pada : 07-03-2013 16:24:39

Penyata Ini DiJana Oleh UIS@TCIS

Ini adalah cetakan berkomputer. Tandatangan tidak diperlukan.